

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG**

**KES TULAR PERLAKUAN VANDALISME MURID
DI SEBUAH SEKOLAH PULAU PINANG**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang memandang serius sebarang salah laku termasuklah vandalisme dan gangsterisme membabitkan murid sekolah di negeri ini. Pihak pentadbir sekolah di semua peringkat seringkali diingatkan untuk mengambil langkah-langkah wajar bagi membendung dan mencegah perlakuan sedemikian.

JPN Pulau Pinang mengambil maklum tentang rakaman video tular, yang mana memaparkan perlakuan murid merosakkan harta benda sekolah pada hari akhir sesi persekolahan 2022.

JPN Pulau Pinang amat kesal akan kejadian tersebut dan akan memastikan isu ini diberi perhatian yang serius oleh pihak sekolah. Langkah didikan akhlak serta pencegahan segera akan diambil bagi memastikan kes sedemikian tidak berulang lagi.

Tindakan sewajarnya sedang diambil oleh pihak sekolah, yang mana sekolah telah memanggil murid yang terlibat bersama waris mereka pada hari ini (18 Februari) bagi membincangkan isu ini. Murid akan dilibatkan dalam khidmat komuniti sebagai intervensi sahsiah dan adab bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi. Nilai kerugian kerosakan harta benda turut sedang dalam siasatan.

JPN Pulau Pinang sentiasa komited untuk memastikan kesejahteraan guru dan murid diberi perhatian. Justeru kempen hentikan vandalisme serta pelan tindakan yang komprehensif akan dipergiatkan agar selari dengan tujuh teras KPM.

Dalam masa yang sama, portal-portal yang menyiarkan video tersebut tanpa menutup muka murid disaran untuk memadam video tersebut kerana bercanggah dengan Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001.

-TAMAT-

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
18 FEBRUARI 2023